

09/09/2002

CADC penjana pembangunan minda kreatif tempatan

PUSAT Pembangunan dan Aplikasi Kreatif (CADC), yang terletak di Pusat Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) akan bertindak sebagai pemangkin pembangunan industri multimedia kreatif dan inovatif tempatan dengan menawarkan perkhidmatan simulasi menerusi Pusat Realiti Maya MSC.

Pusat berkenaan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu, menyediakan simulasi bagi industri reka bentuk kejuruteraan, pembangunan model yang kompleks, kajian simulasi, saintifik, kesihatan, pendidikan dan aplikasi hiburan.

Kos ialah RM21.3 juta menggunakan komputer berkuasa tinggi Silicon Graphics Inc (SGI). Ia juga bersesuaian dimanfaatkan dalam industri animasi tempatan, grafik komputer dan games. SGI mempunyai rekod pencapaian membantu syarikat perfileman Hollywood menghasilkan kesan khas tiga dimensi, grafik komputer dan animasi digital dalam filem box office seperti Lord of the Rings, Star Wars dan filem animasi Disney.

Naib Presiden Kanan Operasi, Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Datuk Dr Mohd Arif Nun, berkata pusat berkenaan membolehkan rakyat Malaysia yang mempunyai minda kreatif dan inovatif menterjemahkan idea mereka menjadi kenyataan.

"Ia dijangka mempercepatkan lagi pembangunan MSC dengan penubuhan pusat inovasi global yang memanfaatkan dan menyatukan kreativiti dan teknologi." katanya di Cyberjaya, minggu lalu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar memperkenalkan pusat berkenaan kepada media. Pusat berkenaan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), minggu lalu.

Ia akan menyediakan kemudahan berpusat bagi perkhidmatan pemprosesan data dan imej, termasuk jalinan rangkaian dengan pusat maya lain bagi memenuhi keperluan pelbagai industri dan pelbagai aplikasi.

Katanya, selain CADC, penubuhan Makmal MSC bertujuan menyediakan wadah bagi mempamer dan memasarkan penyelesaian MSC seperti Aplikasi Perdana serta untuk mempermudah pelaksanaan program e-inovasi.

Beliau berkata, MDC sedang bekerjasama erat dengan Media Plaza dari Belanda untuk memajukan program e-inovasi.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Pembangunan Teknoprenur MDC, Sarina Aman Karim berkata, penubuhan Pusat Inovasi Kesihatan dan Enterpris Perubatan (Chimes) bertujuan mewujudkan pusat kecemerlangan dalam MSC bagi inovasi telekesihatan, terutamanya tumpuan terhadap penyelidikan dan pembangunan (P&P).

Katanya, fasa satu Chime sudah siap manakala keseluruhan pusat dijadualkan siap menjelang akhir tahun ini dan boleh menempatkan antara enam hingga lapan syarikat terbabit dalam penjagaan kesihatan.

"Penyewa pertama Chime ialah Stem Life Sdn Bhd, syarikat tempatan yang terbabit dalam aplikasi sel dan diagnosa molekul," katanya.

Beliau berkata, syarikat yang menceburi bidang pengawasan kesihatan, peralatan perubatan, reka bentuk ubat, pengurusan kesihatan peribadi dan genom boleh memanfaatkan Chime.